

# Produktiviti tentu kadar upah: Mahathir

BH 21 JUL 1994

Oleh Mohd Idros Mohd Ali

GEORGETOWN, Rabu — Keadaan inflasi dapat dielakkan jika kenaikan kadar upah berasaskan kenaikan produktiviti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika gaji saja dinaikkan sedangkan produktiviti masih kekal pada tahap lama, ia akan menyebabkan inflasi.

"Secara umum, kalau kenaikan gaji adalah hasil peningkatan produktiviti, ia tidak membabitkan inflasi, tetapi jika kenaikannya tanpa sumbangan produktiviti, ia memberi kesan kepada inflasi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat je-maah menteri di sini, hari ini.

Sebelum ini Perdana Menteri beberapa kali menegaskan, kenaikan upah tanpa peningkatan produktiviti menyebabkan harga barangan turut naik, dan apabila keadaan ini berlaku, kenaikan upah tidak membawa apa-apa faedah kepada pekerja.

Beliau diminta mengulas tuntutan pelarasan gaji untuk kakitangan awam bermula 1995 oleh Cuepacs dengan kenaikan di antara 20 dan 53 peratus.

Dr Mahathir berkata, jika Cuepacs membuat tuntutan, kerajaan akan mengkajinya sebelum menentukan sama ada ia boleh dilayan atau tidak.

Katanya, kerajaan begitu peka dengan masalah gaji kerana negara masih mengalami kekurangan tenaga kerja, terutama pekerja mahir, menyebabkan sektor swasta menawarkan gaji tinggi untuk menarik pekerja atau menghalang pekerjanya lari ke tempat lain.

"Tetapi jika keadaan ini berterusan, akhirnya kos tenaga kerja meningkat hingga sesuatu industri tidak ekonomik untuk terus berada di Malaysia.

"Pada masa itu, proses perindustrian akan terhenti dan ini menyebabkan ekonomi turut terhenti. Mereka yang menyebabkan kenaikan gaji akan mendapati peluang kerja hilang dan kemungkinan menjadi penganggur," katanya.

Beliau khawatir peningkatan gaji yang mendadak dan tidak dikaitkan dengan produktiviti akan memberi kesan kepada inflasi.

Menurutnya, ketika ini ada kira-kira satu juta pekerja asing di negara ini tetapi mereka tidak mempunyai kemahiran dan kecekapan.

"Ini menyebabkan banyak jawatan kosong yang tidak boleh diisi. Oleh itu, pekerja tempatan ditawarkan dengan gaji tinggi," katanya.

Sebagai contoh, katanya, Pulau Pinang mengalami kekurangan 15,000 pekerja dalam sektor pembuatan saja tahun ini.

Sebab itulah, katanya, kerajaan menggalakkan industri yang berasaskan intensif modal dan penggunaan peralatan moden bagi menggantikan industri intensif buruh.

"Ini perlu bagi menjamin peningkatan nilai ditambah tetapi jumlah pekerjanya masih kekal pada kadar lama. Dengan itu, gaji dapat dinaikkan tanpa sebarang kesan sampingan," katanya.